

07/08/1999

Demokrasi bukan untuk demonstrasi

Rosli Safar

BETONG (Sarawak), Jumaat - Rakyat tidak perlu membazirkan masa dan fikiran untuk berdemonstrasi semata-mata kononnya menggunakan hak mereka bagi menegakkan demokrasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, mereka harus mengambil kesempatan daripada keamanan sekarang untuk bekerjasama membangunkan negara bagi menambah peluang pekerjaan kepada generasi muda.

Beliau berkata, walaupun demokrasi amat baik, rakyat tidak akan mendapat faedah daripadanya jika menganggap sistem itu memberi hak kepada mereka untuk bertindak secara tidak bertanggungjawab.

"Sistem demokrasi ini adalah amat baik tetapi kalau kita terlalu demokratik dan kalau kita anggap demokrasi ialah memberi hak kepada kita bertindak secara tidak bertanggungjawab, kita tidak akan dapat faedah daripada demokrasi.

"Kalaulah, umpamanya, kerana demokrasi memberi kebebasan kepada kita, kita yang ada di sekolah dan universiti tidak belajar dan asyik demonstrasi, itu memang kononnya hak demokrasi berdemonstrasi, tapi kalau kita guna hak itu hingga lupa pelajaran kita, maka demokrasi itu akan memusnahkan negara kita sendiri.

"Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di seluruh negara mempunyai anggota kesemuanya berjumlah lima juta orang. Kalau kita berdemonstrasi tiap-tiap hari, negara kita akan hancur," katanya.

Beliau berucap merasmikan Sekolah Menengah Teknik Betong di sini hari ini. Sekolah itu asalnya Sekolah Menengah Vokasional yang dibuka pada 1983 tetapi dinaikkan taraf menjadi sekolah menengah teknik pada 1 Januari 1998.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak serta beberapa menteri Persekutuan dan negeri.

Perdana Menteri berkata, kalau pelajar mahu berdemonstrasi seperti dianjurkan oleh pembangkang, mereka tidak perlu ke sekolah sebaliknya hanya perlu belajar membakar sampah dan merosakkan kereta.

"Kalau kita keluarkan otak mereka hingga kosong pun, mereka masih boleh membakar tong-tong sampah dan mengkemekkan kereta, tak payah pergi belajar ke sekolah apalagi hingga ke universiti. Apa gunanya otak kalau kita tidak gunakan otak kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelajar universiti banyak berhutang kepada rakyat yang membenarkan wang mereka digunakan untuk membina infrastruktur pendidikan dan membiayai pelajaran pelajar ke menara gading.

Katanya, yuran yang dibayar oleh pelajar universiti hanya 10 peratus daripada gaji pensyarah dan segala kemudahan yang disediakan di universiti untuk membolehkan mereka belajar dengan selesa.

"Sebahagian besar pelajar mendapat biasiswa daripada badan dan agensi kerajaan. Ini seolah-olah menjadikan pelajaran mereka percuma dan mereka harus membalas hutang kepada rakyat dengan belajar, bukan berdemonstrasi yang merupakan perbuatan membazir.

"Yang membazirkan wang rakyat ialah mereka dapat peluang belajar tetapi tidak belajar, sebaliknya asyik berdemonstrasi yang tidak mendatangkan manfaat kepada pelajaran malah mengganggu pencapaian mereka," katanya.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya berkata, kementerian akan menggunakan pendekatan menggabungkan amali, teori dan alam sekeliling dalam meningkatkan pencapaian pelajar, khususnya di luar bandar, dalam

subjek sains dan matematik.

Beliau berkata, kementerian itu akan memberi penekanan 70 peratus kepada amali dan 30 peratus teori, yang mana proses itu akan disesuaikan dengan keadaan setempat.

Najib memberikan contoh masyarakat Iban di Betong yang memanggil helikopter sebagai `bilon angkabang'. Panggilan itu nanti dikaitkan dengan buah angkabang jatuh berputar seperti helikopter.

"Jadi dalam usaha meningkatkan ilmu sains dan matematik, kita akan menggunakan pendekatan menggabungkan alam sekeliling bagi memudahkan proses pemahaman pelajar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan terus berusaha meningkatkan pendidikan rakyat, kerana hanya cara itu dapat memastikan perubahan dalam kehidupan mereka.

Katanya, Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan RM840 juta bagi pembangunan pendidikan di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7). Dalam kajian separuh penggal RMK7, jumlah itu ditambah RM251 juta, menjadikannya melebihi RM1 bilion.

Beliau berkata, Sekolah Menengah Teknik Betong akan diperbesarkan lagi sehingga boleh menampung 800 pelajar dan menjadikan ia sekolah teknikal unggul di Bahagian Sri Aman.

(END)